

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021  
NEGERI PERLIS**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021  
PENDIDIKAN ISLAM  
(Kertas 1)  
SET A**

**1223/1 (PP)**

**Peraturan Pemarkahan  
Nov**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

**Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak.**

**[Lihat halaman sebelah]**

**SKEMA JAWAPAN**

SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	<p>Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris:</p> <p>قَدْ - Qalqalah sughra</p> <p>الأرض - Ra' tafkhim</p>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Maksud <i>sunnatullah</i>:</p> <p>Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut (1m).</p>	1 isi x 2m = 2m
		(iii)	<p>Jelaskan dua kesan memahami <i>sunnatullah</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT Yang Maha Bijaksana.</li> <li>- Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.</li> <li>- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.</li> <li>- Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam.</li> <li>- Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan.</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	1 isi x 2m = 2m
		(iv)	<p>Dua pengajaran ayat (TERANGKAN):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan dan ketetapanNya (1m) supaya menjadi hamba yang bersyukur (1m).</li> <li>- Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi (1m) supaya dapat mengetahui dan menyelidiki Sunnatullah (1m).</li> <li>- Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu (1m) agar menjadi pedoman dalam kehidupan (1m).</li> <li>- Kita hendaklah meyakini bahawa al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran bagi orang yang beriman dan bertakwa (1m) supaya bahagia dunia dan akhirat</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m

		<p>(1m).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa ketika menerima ujian dalam kehidupan (1m) kerana ia boleh menjauhkan seseorang daripada mendapat rahmat Allah SWT (1m).</li> <li>- Kita hendaklah menjaga keimanan (1m) agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT (1m).</li> </ul>										
(b)	(i)	<p>Maksud pemimpin yang adil.</p> <p>Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya (1m) berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. (2m)</p>	<p>1 isi x 2m = 2m</p>									
	(ii)	<p>Dua contoh tanggungjawab pemimpin yang adil.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan keperluan rakyat dipenuhi.</li> <li>- Mencegah kemungkarannya daripada berleluasa.</li> <li>- Menyuruh/ menggalakkan perkara kebaikan.</li> <li>- Mengutamakan kebajikan rakyat.</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	<p>2 isi x 2m = 4m</p>									
	(iii)	<p>Rubrik penskoran</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kriteria</th> <th style="text-align: center;">Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan kesan sahaja</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan kesan dan huraian</td> <td style="text-align: center;">2m</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan kesan, huraian, huraian lengkap atau contoh</td> <td style="text-align: center;">3m</td> </tr> <tr> <td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td> <td style="text-align: center;">4m</td> </tr> </tbody> </table> <p>Contoh jawapan: Sekiranya pemimpin mengabaikan tanggungjawabnya kehidupan masyarakat tidak akan aman dan harmoni. Hal ini kerana keperluan masyarakat tidak dapat disediakan dengan baik. Kesannya, wujud perasaan benci dan hilang perasaan hormat terhadap pemimpin tersebut. Kesimpulannya, setiap pemimpin haruslah melaksanakan amanah yang diberikan agar diberkati Allah.</p>	Kriteria	Skor	Menyatakan kesan sahaja	1m	Menyatakan kesan dan huraian	2m	Menyatakan kesan, huraian, huraian lengkap atau contoh	3m	Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4m
Kriteria	Skor											
Menyatakan kesan sahaja	1m											
Menyatakan kesan dan huraian	2m											
Menyatakan kesan, huraian, huraian lengkap atau contoh	3m											
Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4m											
2	(a)	(i) <p>Dua contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja.</li> <li>- Meletakkan peralatan agama lain dan memberikan</li> </ul>	<p>2 isi x 1m = 2m</p>									

		<p>penghormatan kepadanya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melakukan upacara ibadat agama lain.</li> <li>- Mengoyak mushaf al-Quran dengan tujuan menghina/merendah-rendahkannya.</li> <li>- Meletakkan ayat suci al-Quran/hadis-hadis Nabi/nama-nama Allah SWT/nama-nama rasul/nama-nama malaikat/buku agama di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkannya.</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	
	(ii)	<p>Dua syarat terbatal iman.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.</li> <li>- Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun iman dan rukun Islam.</li> <li>- Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kepada kufur.</li> <li>- Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan.</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
	(iii)	<p>Dua cara menjauhi perkara yang membatalkan iman (TERANGKAN).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendalami ilmu akidah Islam (1m) supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur (1m).</li> <li>- Bersahabat dengan orang soleh (1m) yang dapat membimbing diri kepada kebaikan (1m).</li> <li>- Melakukan amalan soleh (1m) yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul (1m).</li> <li>- Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (1m) supaya selamat di dunia dan akhirat (1m).</li> <li>- Berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT (1m) agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam (1m).</li> <li>- Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT (1m) atas dosa dan kesalahan yang dilakukan (1m).</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	
(b)	(i)	<p>Dua nama lain yang masyhur bagi Ahli Sunah Waljamaah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>al-Salaf al-Salih</i></li> </ul>	2 isi x 1m

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>al-Sawad al-A'zam</i></li> <li>- <i>al-Asya'irah</i></li> <li>- <i>al-Maturidiyyah</i></li> <li>- <i>Ahlu al-Hadis</i></li> </ul>	= 2m	
	(ii)	<p>Dua prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman.</li> <li>- Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT, namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya ataupun tidak.</li> <li>- Meyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al-Quran al-Sunnah.</li> <li>- Meyakini kewujudan syurga dan neraka telah wujud sebelum dijadikan makhluk.</li> <li>- Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin Tuhannya.</li> <li>- Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah SWT dan merupakan rahmat Allah kepada manusia.</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m	
	(iii)	<p>Dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah (TERANGKAN).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat keredaaan Allah SWT (1m) kerana berpegang dengan akidah yang betul (1m).</li> <li>- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan (1m) kerana menjadi mukmin yang sebenar (1m).</li> <li>- Memelihara kesucian agama Islam (1m) kerana mengikut akidah yang benar (1m).</li> <li>- Menjamin keamanan negara (1m) kerana berakhlak baik (1m).</li> <li>- Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat (1m) kerana beriktikad dengan akidah yang benar (1m).</li> <li>- Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan (1m) kerana mempelajari dan mendalami akidah bersumberkan wahyu (1m).</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 2m = 4m	
3	(a)	(i)	<p>Maksud korban ialah: Menyembelih binatang ternakan (al-An'am) pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik (1m) bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT (2m).</p>	1 isi x 2m = 2m

	(ii)	<p>Masa pelaksanaan korban:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Selepas solat sunat Aidil Adha / korban / pada 10 Zulhijjah.</li> <li>- Pada hari-hari Tasyrik / 11,12,13 Zulhijjah.</li> </ul>	1 isi x 1m = 1m
	(iii)	<p>Tiga cara pembahagian daging korban:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 1/3 disedekahkan kepada fakir dan miskin.</li> <li>- 1/3 dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya atau jiran-jiran.</li> <li>- 1/3 dimakan oleh pihak yang berkorban dan anggota keluarganya.</li> </ul>	3 isi x 1m = 3m
	(iv)	<p>Dua hikmah pelaksanaan ibadah korban (TERANGKAN):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengagungkan syiar Islam (1m) bagi mendekati diri kepada Allah SWT (1m).</li> <li>- Menghayati semangat pengorbanan Nabi Ibrahim a.s (1m) supaya menaikkan semangat jihad (1m).</li> <li>- Mengeratkan hubungan antara umat Islam (1m) kerana solat sunat Aidil Adha menghimpunkan seluruh umat Islam (1m).</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 2m = 4m
(b)	(i)	<p>Empat rukun nikah selain bakal suami:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bakal isteri.</li> <li>- Saksi.</li> <li>- Wali.</li> <li>- Lafaz akad nikah (Sighah) / Ijab dan kabul.</li> </ul>	4 isi x 1m = 4m
	(ii)	<p>Dua ciri pemilihan calon suami isteri:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penghayatan agama yang baik.</li> <li>- Akhlak yang mulia.</li> <li>- Keturunan yang baik.</li> <li>- Sekufu.</li> <li>- Pasangan yang sihat.</li> <li>- Rupa paras yang baik.</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
	(iii)	Rubrik penskoran.	4m

			Kriteria	Skor
			Menyatakan pandangan sahaja	1m
			Menyatakan pandangan dan huraian	2m
			Menyatakan pandangan, huraian, huraian lengkap atau contoh	3m
			Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4m
			<p><b>Cadangan Isi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Wajar (I) jika suami uzur/sakit (H).</li> <li>- Tidak wajar (I) kerana menjadi tanggungjawab suami mencari nafkah (H).</li> </ul> <p><b>Contoh jawapan</b></p> <p>Tidak wajar kerana suami bertanggungjawab menyediakan segala keperluan asas untuk isteri dan anak-anak mengikut kemampuannya. Berdosa ke atas suami yang sengaja tidak bekerja dan membebankan tanggungjawab mencari nafkah kepada isteri. Kesimpulannya, suami dan isteri perlu mempunyai ilmu keibubapaan agar tidak berlaku pengabaian tanggungjawab.</p>	
4	(a)	(i)	<p>Sejarah Kerajaan Uthmaniah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bersempena nama Uthman bin Ertughrul.</li> <li>- Tempoh pemerintahan 1299-1924 M.</li> <li>- Kawasan pemerintahan meliputi sebahagian besar Benua Asia, Eropah dan Afrika.</li> <li>- Bilangan pemerintah 37 orang.</li> <li>- Pemerintah terkenal : Sultan Uthman bin Ertughrul, Sultan Murad 1, Sultan Muhammad al-Fatih, Sultan Sulaiman al-Qanuni (salah satu).</li> <li>- Pemerintah pertama Uthman bin Ertughrul.</li> <li>- Pemerintah terakhir Sultan Abdul Majid II.</li> <li>- Pusat pemerintahan : Sogut (1299-1355)M Bursa (1335-1363)M Edirne (1363-1453)M Istanbul (1453-1924)M</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua tokoh sultan yang terkenal pada zaman kerajaan Uthmaniah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Uthman bin Ertughrul.</li> <li>- Murad I bin Urkhan.</li> <li>- Muhammad al-Fatih bin Murad II.</li> <li>- Sulaiman al-Qanuni bin Salim I.</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m

	(iii)	<p>Faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah daripada aspek berikut:</p> <p>a) Pentadbiran : 1 isi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi.</li> <li>- Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan dibantu oleh pegawai pentadbiran.</li> <li>- Penguasaan laluan di antara benua Eropah dengan benua Asia apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosphorus.</li> </ul> <p>b) Keilmuan : 1 isi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan, falsafah, kesenian seni dan teknikal.</li> <li>- Menaik taraf dan membina institusi masjid seperti Masjid Kasbah di Algeria untuk merancang aktiviti keagamaan.</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
	(iv)	<p>Dua iktibar yang dapat diambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniah (TERANGKAN):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sebagai umat Islam kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa (1m) supaya urusan pentadbiran berjalan lancar (1m).</li> <li>- Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu (1m) agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa (1m).</li> <li>- Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa menghayati semangat cinta akan negara (1m) agar rela berkorban mempertahankannya daripada serangan musuh (1m).</li> <li>- Sebagai umat Islam kita hendaklah berpegang pada ajaran Islam (1m) supaya hidup diberkati Allah SWT (1m).</li> <li>- Sebagai umat Islam kita hendaklah menolak campur tangan asing (1m) untuk menjaga kedaulatan negara (1m).</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 2m = 4m
b	(i)	Nama sebenar Imam Abu Hanifah: Nu'man bin Thabit al-Kufi.	1 isi x 2m = 2m
	(ii)	Dua hasil karya beliau yang terkenal: - <i>Al-Faraid</i> .	2 isi x 1m

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Al-Fiqh al-Akbar.</i></li> <li>- <i>Al-'Alimu Wa al-Muta'llim.</i></li> </ul>	= 2m
		(iii) Dua keperibadian Imam Abu Hanifah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semangat memuliakan ilmu pengetahuan.</li> <li>- Kuat beribadat seperti sentiasa melakukan qiamullail, berpuasa sunat dan selalu khatam al-Quran.</li> <li>- Seorang yang pemurah dan penyayang.</li> <li>- Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan.</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 2m = 4m
5	(a)	(i) Dua contoh kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan untuk orang kurang upaya. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tandas untuk orang kurang upaya.</li> <li>- Parkir kenderaan untuk orang kurang upaya.</li> <li>- Laluan pejalan kaki khas untuk orang kurang upaya.</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 1m = 2m
		(ii) Dua adab menyantuni orang kurang upaya daripada aspek emosi. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan layanan dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka.</li> <li>- Tidak mengejek dan menghina mereka.</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 2m = 4m
		(iii) Dua hikmah beradab terhadap orang kurang upaya. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya (1m) kerana mendapat perhatian dan keistimewaan (1m).</li> <li>- Menumpukan sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat (1m) agar perpaduan dapat diwujudkan (1m).</li> <li>- Melahirkan rasa syukur (1m) kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna (1m).</li> <li>- Memudahkan orang kurang upaya melakukan urusan harian (1m) supaya tidak membebankan mereka (1m).</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i) Maksud riak:	

		Riak ialah melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain.	1 isi x 2m = 2m										
	(ii)	<p>Dua contoh sifat 'ujub:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berasa bangga dengan kehebatan ilmu yang dimiliki.</li> <li>- Merasakan diri lebih soleh berbanding orang lain.</li> </ul> <p><b>Catatan:</b> Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	1 isi x 2m = 2m										
	(iii)	<p>Rubrik penskoran.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kriteria</th> <th style="text-align: center;">Skor</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan pandangan sahaja</td> <td style="text-align: center;">1m</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan pandangan dan huraian</td> <td style="text-align: center;">2m</td> </tr> <tr> <td>Menyatakan pandangan, huraian, huraian lengkap atau contoh</td> <td style="text-align: center;">3m</td> </tr> <tr> <td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td> <td style="text-align: center;">4m</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Contoh jawapan:</b> Sifat hasad akan melahirkan sifat mazmumah yang lain seperti hina-menghina, fitnah-memfitnah dan seumpamanya. Sifat-sifat ini boleh memutuskan tali silaturahim dan menghapuskan kebaikan-kebaikan yang dilakukan. Oleh itu kita hendaklah menghindari sifat hasad ini agar hidup kita sentiasa diberkati oleh Allah SWT.</p>	Kriteria	Skor	Menyatakan pandangan sahaja	1m	Menyatakan pandangan dan huraian	2m	Menyatakan pandangan, huraian, huraian lengkap atau contoh	3m	Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4m	4m
Kriteria	Skor												
Menyatakan pandangan sahaja	1m												
Menyatakan pandangan dan huraian	2m												
Menyatakan pandangan, huraian, huraian lengkap atau contoh	3m												
Membuat kesimpulan atau olahan menarik	4m												

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT.**